



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	23/12/2019	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

336,930 akaun pengguna terjejas

SHAH ALAM

- Pemberhentian operasi loji rawatan air (LRA) Bukit Tampoi yang menerima sumber bekalan mentah dari Sungai Semenyih menyebabkan pertambahan kepada 336,930 akaun pengguna kini terjejas dengan gangguan bekalan air.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Halem Mat Som berkata, henti tugas LRA Bukit Tampoi itu terpaksa dilaksanakan petang kelmarin yang mengakibatkan kini kawasan terjejas bertambah kepada 366 kawasan.

"LRA Bukit Tampoi yang juga menerima sumber air mentah dari Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas pada jam 3.30 petang semalam (kelmarin).

"Henti tugas dua loji iaitu LRA Bukit Tampoi dan LRA Semenyih menyebabkan penambahan pengguna yang terjejas mengalami gangguan bekalan air," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.